

15 MAY 2000

Mahathir-Obuchi

KEMATIAN OBUCHI SATU KEHILANGAN BESAR BAGI JEPUN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penghormatan kepada mendiang Keizo Obuchi sambil berkata kematian bekas perdana menteri Jepun itu merupakan satu kehilangan besar bagi Jepun dan kehilangannya juga dirasai di Malaysia.

"Saya amat berdukacita apabila menerima berita sedih mengenai kematian mendiang Keizo Obuchi," kata Dr Mahathir dalam perutusan takziah kepada rakan sejawatannya, Yoshiro Mori.

Perutusan itu dikeluarkan oleh Kementerian Luar di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Obuchi ialah seorang pemimpin yang benar-benar berdedikasi dan komited untuk memastikan keamanan dan kemakmuran bukan sahaja bagi Jepun tetapi juga seluruh dunia.

Obuchi yang berada dalam koma selama enam minggu selepas diserang angin ahmar, meninggal dunia semalam.

Upacara pengkebumian dijangka diadakan di Tokyo pada Selasa.

Dr Mahathir berkata keazaman dan kesungguhan usaha Obuchi untuk memulihkan ekonomi Jepun dan peranan kepimpinan yang ditunjukkannya membantu negara-negara Asia bagi menangani kerisis ekonomi telah mendapat penghargaan dan penghormatan tinggi.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyifatkan Obuchi sebagai "kawan karib Malaysia yang telah mengambil langkah untuk menjalin hubungan rapat antara Jepun dan Malaysia serta juga dengan Asean."

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ingin menyampaikan takziah kepada kerajaan dan rakyat Jepun.

"Saya juga meminta supaya disampaikan takziah dan simpati kepada keluarga mendiang Mr. Obuchi," kata Dr Mahathir dalam perutusannya kepada Mori.

-- BERNAMA

ES FAZ